

بريتا  
BERITA

# PKINK



PENGERAK  
PEMBANGUNAN  
UMMAH

• PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN • [www.pkink.gov.my](http://www.pkink.gov.my)



**3**

**KELKON DAN MAJLIS DAERAH JELI  
JALIN USAHASAMA BANGUNKAN  
PROJEK TAMAN PERSIARAN IINDAH**



**4**

**THAILAND SYOR KERJASAMA  
5 CAMPUR 5**



**15**

**KEJOHANAN KEROM TERBUKA PIALA  
KETUA EKSEKUTIF PKINK 2009**



**18**

**BERSANGKA BAIK DENGAN ALLAH**

AR-RAHN  
Bank Permodalan Kelantan

## KELANTAN PENERAJU SISTEM GADAIAN ISLAM

HALAMAN  
**12-13**

# SIDANG EDITOR

## PENAUNG

Hj. Mohd Sabri b. Abdullah  
Ketua Eksekutif

## PENASIHAT

Ir. Mustafa Salleh  
Timbalan Ketua Eksekutif  
(Hal Ehwal Korporat)

## KETUA EDITOR

Hj. Mohd Adilan b. Mat Jusoh  
Pengurus Pengurusan Sumber Manusia

## TIMBALAN KETUA EDITOR

Mohd Roslan b. Mohd Zain  
Pen. Pengurus Sumber Manusia  
(Perhubungan Korporat)

## SIDANG EDITORIAL

Tengku Petra Tengku Wook  
Pn. Sofia Aizan bt. Che Soh  
Pn. Zakiah bt. Mohamed  
Pn. Hawa bt. M.Salleh  
Ramli b. Hamzah

## FOTOGRAFI

Tengku Petra Tengku Wook

## PENERBITAN

Unit Perhubungan Korporat  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri  
Kelantan

Tingkat 8-11, Bangunan PKINK

Jalan Tengku Maharani,  
15710 Kota Bharu,  
Kelantan

Tel: 09-7414141

Fax: 09-7414069

## PERCETAKAN

Dian Darulnaim Sdn. Bhd.



## Selembar Amanat

Dari meja Ketua Editor

Maksudnya:

**“... dan janganlah engkau berjalan di muka bumi dengan berlagak sombong. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada setiap orang yang sombong, takabbur lagi membanggakan diri.”**

(Surah Luqman, ayat 18)

### Anggota PKINK yang dihormati,

Alhamdulillah, pertama dan selamanya kita melafazkan setinggi kesyukuran ke hadrat ilahi atas pertemuan buat kesekian kalinya di dalam Berita PKINK bilangan 4/2009. Merujuk kepada firman Allah SWT di atas jelas menyatakan bahawa manusia yang sombong akan dibenci Allah SWT kerana cuba menyaingi kebesaran dan keagungan Allah SWT.

Sebagai penjawat awam, kita tidak seharusnya bersikap sombong. Ini kerana apabila sifat angkuh dan sombong menguasai, akan hilanglah keseimbangan diri dan sikap rasional, maka tindakan kita akan lebih menjurus ke arah mencapai kepuasan serta mengikut hawa nafsu masing-masing. Jangan membangga diri dengan ilmu yang banyak dan tinggi, sehingga menganggap orang lain semuanya bodoh. Jangan bangga dengan kuasa yang diberikan kepada kita sebagai ujian sehingga kita menjadi sombong kerananya. Justeru, budayakan sikap merendah diri dan saling memaafi dalam organisasi. Pasti sikap itu akan memudahkan urusan kita di masa hadapan.

Selain daripada itu, kita juga perlu merasa sensitif terhadap dosa. Tidak kira dosa itu kecil atau besar, kita perlu sentiasa menghitung tingkah laku kita berdasarkan neraca akhirat. Jangan kita menghambal hak orang ataupun hak kerajaan tanpa berfikir. Sebagaimana kita membuat tuntutan elaun secara berlebihan. Membuat tuntutan melampaui had yang sebenar. Zahirnya seperti kita cuba menipu majikan dan mengambil kesempatan, namun hakikatnya kita sedang menipu diri sendiri dan menambahkan dosa. Akhirnya, siapa yang rugi?

Jangan kita lupa bahawa hormat menghormati sesama insan adalah perkara makruf. Islam menganjurkan penganutnya menghormati hak sesiapa sahaja tidak kira Islam atau bukan Islam. Apatah lagi jika sesama Islam, maka wajarlah diberi penghormatan. Begitu juga dengan ketua atau pengerusi sesebuah organisasi, mereka lebih utama untuk dihormati. Ini kerana status ketua membebankan mereka dengan banyak taklifan dan mereka perlu berfikir untuk ramai pihak. Kesibukan mereka lebih berganda berbanding orang dibawahnya. Maka, mereka wajar diberi penghormatan dalam kebanyakan aspek.

Memupuk sikap murni ini bukan suatu usaha yang mudah, ia memerlukan latihan dan tarbiyah yang konsisten. Justeru, pihak PKINK telah menyusun program ‘Solat Sempurna : Meningkatkan Mutu Kerja’ sebagai usaha membersihkan karat-karat mazmumah di dalam jiwa anggota. Program tersebut amat bertepatan dengan usaha dakwah baginda nabi Muhammad SAW yang mahu ummahnya menjaga solat sebaik-baiknya. Hanya dengan kemandirian solat yang rapi ini, sudah tentu kita akan mampu menjadi pemacu ke arah perubahan harmoni. Semoga dengan pesanan dan ingatan ini kita akan mewujudkan satu atmosfera kerja yang lebih mesra, saksama dan erat di tempat kerja kita. Insya Allah.

Sekian, terima kasih.

### HJ MOHD ADILAN BIN MAT JUSOH

Pengurus Pengurusan Sumber Manusia  
PKINK



# Kelkon dan Majlis Daerah Jeli

## Jalin Usahasama Bangunkan Projek Taman Persiaran Indah

Oleh: Farrah & Wanna

**KELKON**, anak syarikat PKINK bersama dengan Majlis Daerah Jeli telah menjalinkan usahasama bagi membangunkan projek pembangunan Taman Persiaran Indah di Bandar Jeli, Kelantan. Majlis menandatangani perjanjian dan perletakkan batu asas bagi cadangan projek tersebut telah diadakan di Majlis Daerah Jeli baru-baru ini.


Ia merupakan cadangan projek pembangunan yang merupakan kerjasama pertama di antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan Kelkon Sdn Bhd bagi menjayakan hasrat untuk membangunkan bandar Jeli dengan projek pembangunan bercampur yang meliputi pembangunan pejabat tetap Majlis Daerah Jeli dan projek perumahan, "Gated Area", town house dan unit-unit komersil seluas 17.9 ekar.

Projek yang bernilai 45 juta ini dirancang untuk dimulakan pada Januari 2010 dan dijangka siap sepenuhnya pada 2016 melalui pembangunan secara berfrasa. Ini akan menjadi penjana bagi pembangunan bandar baru bagi daerah Jeli sekaligus menjadikannya sebuah perbandaran terancang dan mapan pada masa hadapan.

Dengan adanya cadangan pembangunan Bandar baru ini, secara langsung akan meningkatkan status sosial penduduk, pembangunan ekonomi setempat dan juga akan meningkatkan prestasi Majlis Daerah Jeli sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Menurut Pengurus Besar Kelkon Sdn Bhd, Hj Jawahir Dollah ketika ditemui di majlis tersebut memberitahu, objektif pembangunan kawasan ini adalah untuk menyediakan pusat pentadbiran baru yang lengkap bagi daerah Jeli di mana dengan siapnya projek ini nanti, Majlis Daerah Jeli sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mempunyai sebuah bangunan pejabat yang bersistematik dengan suasana lebih kondusif.

"Ia juga bakal menjadi mercu tanda bagi Bandar Baru Jeli dengan imej yang lebih terancang dan mapan dan seterusnya menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi setempat." Katanya lagi, "Lokasi dan persekitaran tapak cadangan yang terletak dalam kawasan Bandar Jeli ini mempunyai kemudahan infrastruktur dan kemudahan utiliti yang lengkap, meliputi kawasan perniagaan, masjid, pejabat kerajaan dan sekolah. Jarak tapak cadangan ini adalah dalam lingkungan 0.2 kilometer di kawasan pusat perbandaran Jeli."

Menurutnya lagi, "Pembangunan ini juga menawarkan konsep 'gated community' pertama di Kelantan dimana sebanyak 33 unit rumah sesebuah akan dibangunkan secara teliti dengan potongan tanah yang optimum pada lereng bukit ditambah dengan penyeliaan kebersihan dan juga keselamatan. Konsep ini menawarkan satu pintu masuk utama dan keseluruhan kawasan dipagari sepenuhnya," katanya. 





# Thailand Syor Kerjasama 5 + 5

**TIMBALAN** Menteri Perdagangan Thailand, Alongkorn Ponlaboot berkata hubungan antara Malaysia terutama negeri-negeri yang bersempadan dengan Thailand termasuk Kelantan boleh dipertingkatkan dan dipereratkan lagi melalui hubungan perdagangan, pertanian, halal hub, pelancongan dan kebudayaan.

Beliau yang melawat Kelantan bersama rombongan pada 17 Disember 2009 yang lalu telah mengesyorkan projek 5 campur 5 yang melibatkan lima (5) negeri di Malaysia dan lima wilayah di Selatan Thai yang akan memfokuskan kepada kerjasama dalam bidang pertanian, pelaburan dan perdagangan, pelancongan, logistik dan infrastruktur, halal hub dan sumber manusia. Lima negeri tersebut ialah Kelantan, Kedah, Perlis, Perak dan Pulau Pinang sementara lima wilayah selatan Thai termasuk Pattani, Narathiwat, Yala dan Songkhla.

Dalam ucapannya, Alongkorn berkata hubungan antara Thailand dan Kelantan yang terjalin erat melalui hubungan rakyat antara kedua-duanya boleh dipertingkatkan melalui kerjasama ekonomi yang dicadangkan. Beliau berkata, rakyat Thailand yang melawat Kelantan kerana budaya dan senibina yang terdapat di Kelantan telah merapatkan lagi hubungan antara dua buah negara dan rakyatnya.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri Kelantan kerana telah memberikan sambutan yang amat baik kepada rombongan beliau dengan jamuan makan tengahari dan juga taklimat daripada pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri.



Timbalan Menteri  
Perdagangan Thai



Dato' Anuar Tan



VIPS rombongan Thai



Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir

Sementara itu, terdahulu rombongan Timbalan Menteri Perdagangan Thailand telah diraikan dalam satu majlis makan tengahari bersama YB Exco Pembangunan Usahawan, Perdagangan dan Perpaduan Masyarakat, Dato' Anuar Tan Abdullah. Pada sebelah petang, rombongan telah diberikan taklimat oleh Kerajaan Negeri Kelantan di Pusat Dagangan Kelantan yang disampaikan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri. Turut hadir ialah YB Zulkifli Mamat, Ketua Eksekutif PKINK, Hj Mohd Sabri Abdullah, Pengarah MIDA Kelantan, Pegawai-Pegawai PKINK dan Pegawai-Pegawai UPEN.

Dato' Anuar Tan dalam ucapan aluan dan selamat datang melahirkan rasa terima kasih atas lawatan Timbalan Menteri Perdagangan Thailand ke Kelantan. Beliau berkata hubungan yang sudah sedia wujud selama ini melalui rakyat antara kedua-dua buah negara akan dapat ditingkatkan lagi pada masa-masa akan datang melalui hubungan perdagangan dan ekonomi.



# KIJANG KUARI NAIK TARAF 'STATIC MACHINE'


Oleh: Farrah & Wanna

**KIJANG** Kuari Sdn Bhd telah menaik taraf penggunaan mesin sejak sembilan bulan yang lepas bagi mengurangkan kos overhead syarikatnya.

Menurut Pengurus Operasi Kijang Kuari Zuraidi Che Tengah, 47, berkata, jika dahulu penggunaan mesin yang belum dinaik taraf menyebabkan kapasitinya menurun dan ini memakan masa di mana mesin hanya mampu memproses sebanyak 70 tan sahaja dalam masa satu jam.

"Langkah menaiktaraf ini dibuat bagi memastikan kos overhead tidak melebihi dari pengeluaran dan mesin dapat memproses dan mengeluarkan sebanyak 250 tan batu dalam masa satu jam," kata beliau.

Menurutnya lagi, mesin yang dinaiktaraf merupakan sebuah mesin yang lazimnya menjadi keutamaan penggunaan syarikat



kumpulan kontraktor kuari iaitu 'static machine' di mana belanja permulaan yang diperuntukkan untuk memperolehi sebuah mesin tersebut ialah sejumlah RM3.5 juta

"Mesin kijang kuari ini tidak pernah lagi dinaik taraf sepanjang digunakan iaitu

"Langkah menaiktaraf ini dibuat bagi memastikan kos overhead tidak melebihi dari pengeluaran dan mesin dapat memproses dan mengeluarkan sebanyak 250 tan batu dalam masa satu jam,"


selama 32 tahun," katanya.

Mesin kedua yang bakal dinaiktaraf masih mampu digunakan dan selepas jangka hayatnya maka ia perlu dinaiktaraf oleh semua syarikat kumpulan kuari. Ini akan menambahkan kecepatan dan kepanasan pemrosesan batu.



# LAWATAN PRA AUDIT 5S


**HAMPIR** setahun Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah di anugerah sijil 5S, kini telah tiba masanya untuk memperbaharui sijil tersebut. Bagi persediaan pensijilan semula 5S, PKINK telah memastikan Amalan 5S di PKINK berterusan dengan pelaksanaan aktiviti-aktiviti 5S di semua zon di PKINK. Semua anggota PKINK dan zon-zon dikehendaki bersedia bila-bila masa bagi menerima lawatan Audit Persijilan oleh Pegawai MPC. Bagi tujuan tersebut juga, PKINK telah menjemput pihak MPC untuk mengadakan lawatan Pra Audit pada 29 Disember 2009 yang dihadiri oleh Pegawai MPC Kelantan, En. Mahadi bin Hasbullah.

Amalan berterusan 5S PKINK telah menjadi satu pendekatan yang sangat berkesan untuk memotivasikan pekerja, meningkatkan produktiviti dan persekitaran tempat kerja yang selesa dan selamat. Program ini hanya akan berjaya sekiranya semua anggota dalam organisasi dapat mengamal dan melaksanakan program ini sama ada di peringkat individu ataupun secara berpasukan. 



# GOTONG ROYONG PERDANA 5S

**26 DISEMBER 2009/9 MUHARRAM 1431** - Amalan Persekitaran Berkualiti 5S PKINK terus aktif dengan program Gotong Royong Perdana 5S PKINK yang telah diadakan pada 26 Disember 2009 yang lalu. Gotong Royong Perdana 5S ini merupakan satu usaha berterusan PKINK bagi memastikan Amalan 5S PKINK terus dihayati, dipraktikkan dan diamalkan oleh setiap anggota PKINK.

Program ini diharapkan dapat mewujudkan suasana dan budaya kerja secara perpasukan, memupuk sikap positif dan berdisiplin, memberi peluang kepada anggota untuk menyumbang idea kreatif untuk menambak organisasi, mewujudkan suasana tempat kerja yang selesa dan kondusif serta membina budaya kerja yang berkualiti. Ini selaras dengan Polisi 5S PKINK iaitu mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif, selesa, selamat dan seragam bagi melahirkan budaya kerja berkualiti, cekap dan produktif berteraskan prinsip ubudiyah, mas'uliyah dan itqan untuk kesejahteraan anggota, organisasi dan pelanggan PKINK. 






## KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN SIRI 2



**PADA** 23 Disember 2009 bersamaan 6 Muharram 1431, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah mengadakan Kursus Pengurusan Kewangan Siri 2 bertempat di Bilik Operasi PKINK. Kursus pada kali ini adalah berkaitan dengan Elaun dan Tuntutan bagi anggota Perkhidmatan Awam. Kursus tersebut telah disampaikan oleh Pegawai Pembangunan Negeri, Pejabat SUK Kelantan, Che Azi Rahimi Mohamed. Seramai 60 anggota PKINK dari Gred 17 hingga Gred 41 telah dipilih untuk


mengikuti kursus tersebut.

Kursus sehari ini telah membincangkankan beberapa topik berkaitan lmbuhan tetap, bertugas rasmi, berkursus dan pelbagai tuntutan. Kursus ini diharap dapat meningkatkan kefahaman anggota PKINK dalam aspek-aspek yang berkaitan dengan elaun-elaun dan tuntutan yang dibenarkan mengikut peraturan yang telah ditetapkan sama ada melalui Perintah Am dan juga Pekeliling-Pekeling Kerajaan. 

## CERAMAH IBADAT KORBAN

**PADA** 25 November 2009/8 Zulhijjah 1430 - Satu ceramah bertajuk Kaifiat dan Hikmah Ibadat Korban telah diadakan bertempat di Bilik Operasi PKINK dengan penceramah jemputan ialah Ustaz Tuan Mohd Saripuddin bin Tuan Ismail dari Pusat Pengajian Pondok Kandis, Bachok.

Dalam ceramahnya, Ybhg. Ustaz memberi penekanan tentang keikhlasan pengorbanan yang diberikan. Nilai dan kuantiti bukanlah pengukur sesuatu pengorbanan itu di terima oleh Allah S.W.T. Allah hanya menerima pengorbanan orang-orang yang bertaqwa. Kisah Nabi Ibrahim a.s. dan anaknya Nabi Ismail adalah merupakan satu simbolik kepada perintah Allah S.W.T. yang mesti dipatuhi, walaupun ianya berlawanan dengan kehendak dan nafsu manusia.

Ibadat korban juga merupakan sebagai tanda kesyukuran kita kepada Allah s.w.t. di atas segala nikmat yang telah dikurniakan. 






# Kursus 'Capacity Building' anjuran bersama HDC & PKINK


## Program Celik IT Untuk Anggota PERDANA RESORT SDN BHD

**SATU** program celik IT untuk anggota Perdana Resort Sdn Bhd telah diadakan dengan kerjasama Bahagian MIS, PKINK pada 24 Nov -16 Disember 2009 yang lalu. Seramai 30 anggota Perdana Resort telah menyertai program tersebut bagi meningkatkan pengetahuan anggota dalam bidang ICT. Kelas telah dibahagi dalam tiga kumpulan untuk 3 sesi sepanjang tempoh tersebut. Mereka telah didedahkan dengan penggunaan asas komputer dan internet, perisian Microsoft Word, Microsoft Excel dan juga Microsoft Power Point. Yang menarik dengan kumpulan ini adalah mereka terdiri dari pelbagai latarbelakang pekerjaan dan ada diantara mereka yang tidak pernah menggunakan komputer. Walaubagaimanapun dengan keyakinan serta komitmen yang tinggi mereka telah berjaya melepasi halangan 'buta komputer' mereka malahan kelas yang diadakan adalah sesuatu yang menyeronokkan bagi mereka.

Syabas untuk mereka, semoga apa yang dipelajari dapat membantu dalam meningkatkan mutu kerja dan menambah ilmu di dada. 




**PERUSAHAAN** pengeluaran dan pengedaran produk halal bukan sahaja sedang berkembang di peringkat nasional malah sedang berkembang pesat di peringkat global. Dalam konteks ini, setiap pengusaha yang menceburi bidang tersebut perlu mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran diri demi menentukan tahap dayamaju dan daya hidup pengusaha yang terlibat.

Pada 19 November 2009, Kursus Membina Kapasiti (*Capacity Building*) telah diadakan di Pusat Dagangan Kelantan (Kelantan Trade Centre). Kursus tersebut merupakan program usahawan di antara PKINK dan Halal Development Corporation (HDC). Kursus ini diadakan khusus untuk pengusaha-pengusaha makanan dan pengusaha produk halal di negeri ini dan telah dihadiri seramai 25 orang peserta. Biarpun telah mempunyai pengetahuan dan matlamat pensijilan halal, para peserta telah didedahkan lagi tentang halatuju, peluang-peluang yang perlu direbut demi untuk mempertingkatkan tahap daya saing bukan sahaja untuk pasaran domestik tetapi menerokai pasaran di peringkat global. 





**TEKA SILANGKATA SIRI 4/09**



© Rusli(BPU)/TS0110/SP87525

**MELINTANG**

3. Syarikat No 1 dunia (2009) dari aspek jualan, aset dan nilai pasaran.
5. Kereta paling kecil dan paling murah di dunia keluaran India pada Mac 2009.
9. Pasar terbuka berasal dari perkataan Parsi.
10. Jenama jam tangan yang dipakai oleh Angkasawan NASA untuk ke 'bulan'.
12. Minyak urut popular dari Kelantan formula 'Ku Mat Gagah'!
13. Rangkaian hospital swasta Pusat Rawatan Islam Sdn Bhd.
14. Usahawan perlu miliki sifat ini untuk berdaya saing.

**KE BAWAH**

1. Majlis Keusahawanan Universiti-Universiti Malaysia.
2. Minyak ikan ini kaya dengan asid lemak Omega-3 untuk kesihatan jantung kita.
4. Asalnya makanan 'SiPapa', kini kegemaran masyarakat dunia.
6. Instrumen bertulis sebagai bukti sesuatu transaksi urusanniaga.
7. Laman Jaringan sosial ciptaan Mark Zuckerberg ini asalnya untuk fakulti di Universiti.
8. Pelanggan wajib membayar hutang ini walaupun tidak dituntut!
11. Kaedah popular untuk menganalisis pesaing dan pasaran syarikat anda!

**SOALAN DAN JAWAPAN SILANGKATA 3/09**


**MELINTANG**

2. Pusat Pembangunan Kemahiran Johor milik Johor Corp bagi latihan dan peningkatan tenaga kerja perindustrian.
3. Perbadanan Industri Berat Malaysia ini bergabung dengan DRB pada tahun 2000.
5. Matawang Kesatuan Eropah (EU).
6. Jenama Aminah Hassan bagi produk-produknya yang dipasarkan di UK, AS dan Australia.
9. Software yang digunakan untuk menjelajah internet. (Ingg)
10. Nota akujanji hutang yang diterbitkan badan kerajaan atau syarikat untuk mendapatkan pinjaman bagi membiayai sesuatu projek.
11. Syarikat penerbangan rasmi Itali.
12. Pusat Sumber Teknologi Perabot MARA yang banyak membantu Usahawan bumiputera dalam industri perabot ke luar Negara. (Ingg)

14. Asal perkataan Usahawan dalam bahasa Inggeris dari perkataan Peranchis.

**KE BAWAH**

1. Strategi kompetitif bagi mencipta kelainan sesuatu produk atau jenama agar keunikan nilai mampu mengatasi pesaing (Ingg).
4. Konsep perbankan islam yang merangkumi elemen-elemen akad, perkongsian, modal dan usaha. (Arab).
7. Selain menjadi alternatif kepada tembakau, tanaman ini kaya dengan fiber dan berfungsi sebagai bahan asas dalam pembuatan biokomposit.
8. Kenderaan berat buatan konglomerat India yang berpusat di Mumbai.
13. Taraf pawaian kilang oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai penarafan kawalan mutu dan kebersihan yang ketat. (Ingg).





## Anda memerlukan kaunseling niaga?

Emailkan kemusykilan anda beserta biodata ringkas dan gambar bersaiz passport anda ke :  
[bpu.pkink@gmail.com](mailto:bpu.pkink@gmail.com)

# Tips untuk membuka Kedai Serbaneka

### Soalan:

*"....Saya ingin mendapatkan nasihat bagi memulakan sebuah pasar mini ala 7Eleven atau De Lima di kawasan perumahan saya. Saya difahamkan kos bagi membuka pasar mini berjenama adalah terlalu tinggi dan ianya di luar kemampuan saya. Apakah langkah-langkah yang perlu saya lakukan untuk menjayakan cita-cita saya ini?"*

**Muhammad Husni Muhammad Noor**  
(mhusni\_mn85@yahoo.com)

### Jawapan:

Pasar mini berjenama yang anda maksudkan itu dikenali sebagai 'Kedai Serbaneka' atau 'Kedai 24 jam' (convenience stores). Antara rangkaian kedai serbaneka yang menawarkan perkongsian niaga berkonsepkan system francais di Malaysia ialah 7 Eleven, De Lima, Kwik Stop, Carrefour Express Stores dan lain-lain jenama yang hanya tertumpu di beberapa lokasi pilihan sahaja.

Dengan lokasi yang strategik, sesebuah kedai serbaneka mampu memberi pelaburan yang menguntungkan. Jika anda berhasrat membuka sebuah kedai serbaneka sendiri, anda perlu melengkapkan diri dengan penambahan ilmu, kemahiran dan pendedahan yang mencukupi dalam bidang pengurusan perniagaan. Bentuk diri anda untuk menjadi Usahawan yang

berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju. Anda tidak semestinya memiliki ijazah dalam bidang perniagaan, tetapi anda sekurang-kurangnya perlu mempunyai semangat, keazaman dan beristiqamah untuk menjadi seorang Usahawan dalam bidang peruncitan yang berjaya.

Tips berikut diharap dapat merangsang laluan untuk anda laksanakan sebagai 'senarai semak' dalam perancangan pra-operasi sebuah kedai serbaneka.

### Langkah 1

Buat keputusan sama ada anda ingin membeli sebuah francais kedai serbaneka atau menjadi pemilik bebas. Terdapat banyak rangkaian kedai serbaneka 24 jam

Anda tidak semestinya memiliki ijazah dalam bidang perniagaan, tetapi anda sekurang-kurangnya perlu mempunyai semangat, keazaman dan beristiqamah untuk menjadi seorang Usahawan dalam bidang peruncitan yang berjaya





yang menawarkan kaedah sistem francais di Malaysia seperti dinyatakan pada awal jawapan ini. Kos untuk membuka sesebuah kedai serbaneka yang dianggarkan sebanyak RM250,000 dengan yuran francais sebanyak RM30,000 dalam tempoh 5 tahun contohnya, mungkin agak tinggi bagi kebanyakan Usahawan baru. Namun begitu, faedah yang diperolehi dari sistem ini seperti manual latihan, pelan perniagaan, promosi dan paling penting

kan sumber pembiayaan. Terdapat pelbagai institusi kewangan kerajaan dan swasta yang menawarkan pembiayaan dan khidmat nasihat untuk perniagaan dalam bidang ini. Selain itu, skim PROSPER Siswazah anjuran PUNB turut membantu para graduan yang benar-benar berminat menceburi bidang peruncitan ini.

#### Langkah 4

Daftar perniagaan anda. Patuhi semua

nonim bagi mana-mana kedai serbaneka di sekeliling kita. Peragaan kedai anda tidak perlu meniru mana-mana konsep 'shelve display' rangkaian kedai serbaneka sedia ada. Seni peragaan produk (*Window dressing*) boleh dipelajari dan dilaksanakan sendiri secara kreatif atau anda boleh mendapatkan khidmat pakar dalam kategori ini. Selain itu, jualan kopi segera (bermesin), kueh segera panas (berketuhar) dan jus buah-buahan tempatan yang



penerimaan jenama oleh pelanggan menjadikan pelaburan yang agak tinggi itu berbaloi jika ianya dilaksanakan secara sistematik dan bermatlamatkan kejayaan. Pilihan kedua pula, anda juga boleh membukanya secara bersendirian.

#### Langkah 2

Cari mana-mana lokasi perniagaan yang sesuai dan strategik. Kesesuaian lokasi sesebuah kedai serbaneka terbukti menjadi salah satu faktor utama kepada kejayaan kedai berkonsepkan 24 jam ini (*datamonitor*, 2008). Paling sesuai jika kedai anda terletak di lokasi di mana terdapat aliran trafik yang tinggi (sama ada kenderaan atau pejalan kaki). Kawasan atau kompleks niaga sebegini mungkin mewujudkan banyak persaingan, tetapi anda juga boleh mencari lokasi-lokasi kurang persaingan seperti di persekitaran bandar-bandar yang lebih kecil.

#### Langkah 3

Dapatkan pembiayaan yang anda perlukan. Kecuali anda mempunyai modal yang mencukupi untuk menampung semua kos pelaksanaan projek, anda perlu mendapat

keperluan sama ada di peringkat penguasa tempatan, agensi negeri atau persekutuan. Anda perlu melengkapkan diri anda dengan aspek-aspek peraturan dan perundangan perniagaan untuk menjadi seorang Usahawan yang informatif dan berdaya saing kelak. Pada peringkat inilah, anda memerlukan Peguam dan Perunding perniagaan sebagai sahabat karib yang akan terus bersama dunia bisnes anda!

#### Langkah 5

Buat pembelian untuk pengisian stok kedai anda setelah anda mengenalpasti jenis barangan atau produk yang akan dijual. Pada kebiasaannya, kedai serbaneka menjual minuman, snek, makanan asas dan keperluan harian pengguna yang sukar didapati selepas jam 10 malam! Adalah penting untuk kedai serbaneka anda memiliki 'kelainan' berbanding pesaing anda, dari aspek *produk*. Pembelian stok secara borong adalah digalakkan dalam hal ini.

#### Langkah 6

Mulalah 'memperagakan' kedai anda (*store setting*). Rak, peti sejuk dan dingin beku serta mesin terima tunai adalah si-

lazar dan berkhasiat, mampu menjadikan kedai anda mendapat sambutan sejak mula beroperasi lagi.

#### Langkah 7

Dapatkan para pekerja anda yang 'berbakat'. Pilih mereka yang jujur, rajin dan peramah. Sama ada pelanggan akan kembali semula ke kedai anda terletak di atas keupayaan staf jualan anda yang berinteraksi secara langsung dengan mereka. Selaku Pengurus, anda bukan hanya perlu mengambil berat tentang keperluan pelanggan, tetapi juga keterampilan pekerja barisan depan anda.

#### Langkah 8

Lancar pembukaan kedai serbaneka anda dengan tawaran-tawaran istimewa sebagai salah satu strategi pengiklanan dan promosi anda. Perasmian penuh kemeriahan dengan jualan khas sempena pembukaan adalah langkah bijak untuk menarik segmen pelanggan baru. Adalah diharapkan, pengalaman pada hari pertama ini akan membawa pelanggan anda kembali untuk memenuhi keperluan mereka, setiap kali, sepanjang masa. - © RI(bpu)




# DOCUMENT MANAGEMENT dan CMS untuk LAMAN WEB PKINK

**PERUSAHAAN** pengeluaran dan pendedaran produk halal bukan sahaja sedang berkembang di peringkat nasional malah sedang berkembang pesat di

peringkat global. Dalam konteks ini, setiap pengusaha yang menceburi bidang tersebut perlu mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran diri demi menentukan tahap

dayamaju dan daya hidup pengusaha yang terlibat.

Pada 19 November 2009, Kursus Membina Kapasiti (Capacity Building) telah diadakan di Pusat Dagangan Kelantan (Kelantan Trade Centre). Kursus tersebut merupakan program usahawan di antara PKINK dan Halal Development Corporation (HDC). Kursus ini diadakan khusus untuk pengusaha-pengusaha makanan dan pengusaha produk halal di negeri ini dan telah dihadiri seramai 25 orang peserta. Biarpun telah mempunyai pengetahuan dan matlamat pensijilan halal, para peserta telah didedahkan lagi tentang halatuju, peluang-peluang yang perlu direbut demi untuk mempertingkatkan tahap daya saing bukan sahaja untuk pasaran domestik tetapi menerokai pasaran di peringkat global. 



## BERITA ANGGOTA PKINK

### JASAMU DI KENANG

#### DATIN HAJJAH ROSNELI BT. KUNDOR - BERSARA PILIHAN PADA 1 JANUARI 2010



**MULA** berkhidmat dengan PKINK sebagai Akauntan pada 7 Julai 1982 dan ditempatkan di Bahagian Kewangan. Selepas

berkhidmat di Ibu Pejabat PKINK selama 1 tahun 3 bulan, beliau telah dipinjamkan kepada Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd sebagai Pegawai Kewangan.

Selepas tamat tempoh pinjaman selama 7 tahun, pada 1 Jun 1990 beliau dipanggil balik ke Ibu Pejabat dan ditempatkan di Bahagian Kewangan. Selepas dinaikkan pangkat ke jawatan Akauntan Tingkatan Kanan,

beliau ditempatkan di Bahagian Audit Dalam dan Naziran sebagai Pengurus Bahagian mulai 16 Februari 1992.

Mulai 1 Oktober 1993 beliau ditempatkan di Bahagian Kewangan sebagai Pengurus Bahagian. Apabila Syarikat Kelrest Holdings Berhad di tubuhkan, beliau telah dipinjamkan ke syarikat tersebut sebagai Pengurus Perancangan Strategik dan Kawalan mulai 6 Disember

1995 selama 2 tahun.

Setelah tamat tempoh pinjamannya, beliau kembali bertugas di Ibu Pejabat sebagai Pengurus Kewangan. Beliau dinaikkan pangkat ke Gred W48 berkuatkuasa mulai 31 Disember 2003.

Setelah berkhidmat dengan PKINK selama 27 tahun 5 bulan dan 24 hari, Datin Hajjah Rosneli Kundor telah bersara pilihan pada 1 Januari 2010.

#### ZAHRI BIN JUSOH - BERSARA WAJIB PADA 26 DISEMBER 2010



**MULA** berkhidmat dengan PKINK pada 1 November 1981 sebagai Jaga dan ditempatkan di Bahagian Pentadbiran, sekarang dikenali bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Sebelum menyertai PKINK, beliau adalah seorang pesara

tenteta. Disahkan ke dalam jawatan Jaga mulai daripada 1 November 1982.

Dipinjamkan ke Prokel Management Sdn Bhd mulai 1 November 1990 selama dua tahun. Setelah tamat tempoh pinjaman, beliau kembali ber-

tugas di Ibu Pejabat.

Setelah berkhidmat dengan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) selama 28 tahun 1 bulan dan 25 hari, En. Zahri Jusoh terpaksa meninggalkan PKINK setelah bersara wajib.




# KEJOHANAN KEROM TERBUKA PIALA KETUA EKSEKUTIF PKINK 2009

**PERBADANAN** Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK telah menganjurkan Kejohanan Kerom Piala Ketua Eksekutif PKINK pada 13 - 14 November 2009. Kejohanan kerom tersebut terbuka kepada semua peminat-peminat kerom di Kelantan dalam acara perseorangan dan beregu.

Hadiah yang ditawarkan adalah sebagaimana berikut:

Perseorangan:	
<b>Johan</b>	- Tunai RM350.00 & Hamper
<b>N. Johan</b>	- Tunai RM200.00 & Hamper
<b>Ketiga</b>	- Tunai RM150.00 & Hamper
<b>Keempat</b>	- Tunai RM100.00 & Hamper
	- 4 hadiah saguhati berupa hamper
Beregu:	
<b>Johan</b>	- Tunai RM700.00 & hamper
<b>N. Johan</b>	- Tunai RM400.00 & Hamper
<b>Ketiga</b>	- Tunai RM300.00 & Hamper
<b>Keempat</b>	- Tunai RM200.00 & Hamper
	- 4 hadiah saguhati berupa hamper

Pertandingan telah berlangsung di tempat letak kereta, Tingkat Bawah Bangunan PKINK, sepanjang 2 hari. Pertandingan diakhiri dengan kemenangan acara perseorangan berpihak kepada Safran (Kelab Kerom Paloh) tempat pertama, Mohd Rawi (Kelab Kerom Kota Jembal) di tempat kedua, Mohd Aumi (Kelab Kerom Kota Jembal) di tempat ketiga dan tempat ke empat dimenangi oleh Tengku Petra dari PKINK. Manakala bagi acara beregu, Johan disandang oleh Zani dan Mazlan dari Pulau Melaka, Naib Johan, Azmi dan Azli (Pulau Melaka), tempat ketiga, Zapawi dan Azani (Paloh) dan tempat keempat, Nik Abd Kadir dan Mat Jali dari PKINK.

Hadiah-hadiah dalam acara perseorangan telah disampaikan oleh Ketua Eksekutif PKINK, Haji Mohd Sabri Abdullah, manakala hadiah dalam acara beregu disampaikan oleh Setiausaha Kehormat KSK PKINK, Tengku Petra Tengku Wook. 





# Kelantan peneraju sistem gadaian Islam

**TIADA** sesiapa pun dapat menafikan Kelantan sebagai perintis kepada kewujudan sistem gadaian Islam di negara ini. Sistem itu mungkin tidak terfikir sebelum ini, biar pun golongan paling ramai menggadaikan emas orang Melayu.

Pergilah di mana-mana kedai pajak gadai, orang Melayulah yang beratur panjang untuk mengadai barang kemas.

Biasa kita lihat tauke yang berbaju singlet dan seluar pendek berada di sebelah jeriji besi menerima barang kemas yang digadaikan.

Tauke mengira dengan alat pengira tradisional Cina. Kemudian wang tunai mengikut nilai barang kemas dihulur kepada si penggadai.

Di setiap bandar sama ada kecil atau besar mudah ditemui pajak gadai tersebut. Ketika itu ah long belum lagi wujud.

Sudah menjadi kebiasaan bagi penduduk kampung yang kesempitan wang datang ke

suami sebagai hantaran ketika berkahwin. Dan apabila kesempitan wang, barang kemas itulah yang digadaikan kepada tauke Cina.

Bunga dikenakan apabila barang kemas tadi mahu ditebus kembali pemiliknya. Misalnya kalau digadai RM500, jumlah yang perlu dibayar ketika menebus akan meningkat kepada lebih RM500.

Apabila tempoh lebih lama, jumlah bunga

Kewujudan kedai pajak gadai Islam mulai diperkatakan orang ramai. Lebih-lebih lagi masyarakat kampung yang mengharap bantuan segera ketika kesempitan wang.

Segalanya bermula di Kelantan. Hasil keras bekas dua orang bekas pegawai kanan bank akhirnya sistem gadaian Islam (Ar Rahn) menjadi realiti di bumi Serambi Mekah.

Dua pegawai terbabit bekerja keras bagi merealisasikan hasrat Menteri Besar, Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat untuk melihat Ar Rahn menjadi kenyataan.

Bekas pengarah Esekutif Permodalan Kelantan Bhd (PKB), Haji Abdul Aziz Nawawi dan Haji Mohd Sabri Abdullah sebagai pihak yang bertanggungjawab membebaskan rakyat Kelantan dari sistem riba.

Mohd Sabri berkata, Ar Rahn diwujudkan pada tahun 1992.

"Sebenarnya kertas untuk membuat pajak gadai berlandaskan Islam sudah lama dirangka Angkatan Koperasi Malaysia. Dan ia juga telah dibincang di peringkat ulama dalam Majlis Agama Islam pada tahun 1980-an.

"Apa yang boleh dilaksanakan ialah sistem kewangan Islam dan bidang *financing*,"



Haji Mohd Sabri Abdullah



Ar Rahn sentiasa mendapat sambutan masyarakat

bandar untuk menggadaikan barang kemas mereka.

Di Kelantan, setiap wanita boleh dikatakan memakai barang kemas. Antaranya gelang, rantai, cincin dan pelbagai lagi yang dibuat daripada emas.

Kadang-kadang gelang atau cincin diberi

akan bertambah.

Dan apabila banyak barang kemas tidak mampu ditebus pemiliknya, ia akan lesap begitu sahaja.

Namun selepas 1992 situasi itu mulai berubah. Kedai pajak gadai yang dikendalikan tauke-tauke Cina ada pesaingnya.



Orang ramai mudah membuat urusan di Ar Rahn



katanya yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Kelantan (PKINK) ketika ditemui, baru-baru ini.

Menurutnya pengalaman berkhidmat dengan bank memudahkan sedikit usaha ke arah merealisasikan sistem gadaian Islam.

Selepas dicetus idea tersebut PKB meminta lesen daripada kerajaan negeri, biar pun lesen di bawah tanggungjawab Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

Namun pihak yang meluluskannya kerajaan negeri melalui bahagian perumahan.

“Kita dapat satu lesen pada awalnya. Dan apabila kedai dibuka sambutan orang ramai begitu menggalakkan sekali,” ujarnya.

Motto Ar Rahn yang digunakan ialah adil, telus dan mudah. Ia selaras dengan hasrat penduduk kampung.

lambat meluluskannya. Apa yang kerajaan negeri lakukan itu bagi mengelakkan konflik dengan pajak gadai konvensional.

“Pada masa itu kita beroperasi di Kota Bharu, Tanah Merah dan Pasir Puteh,” kata beliau.

Ditanya mengenai dana bagi membiayai kedai Ar Rahn kata beliau pinjaman dibuat dengan bank.

**Bank Rakyat, Yapeim datang belajar**

Mohd Sabri juga memberitahu Bank Rakyat datang mempelajari kaedah yang digunakan Ar Rahn.

Sistem gadaian dikendalikan Bank Rakyat dikenali sebagai Ar Rahn. Selepas itu Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (Yapeim) pula datang belajar dengan PKB cara hendak mengendalikan sistem pajak gadai Islam.

“Kita tidak ada masalah untuk memberi tunjuk ajar kepada mereka berdasar kepada kejayaan yang kita capai,” ujarnya.

Ditanya halangan bagi membuka lebih banyak lagi cawangan Ar Rahn katanya, PKB perlu memikirkan kaedah lain tanpa perlu mendapat lesen daripada kerajaan.

Kaedah baru yang ditemui PKB iaitu ditubuh Ar Rahn melalui koperasi. Bermula dari situ Ar Rahn terus bergerak pesat ke hadapan.

Sedangkan sebelum ini Ar Rahn memerlukan lesen untuk membolehkan ia beroperasi.

Selepas itu semua cawangan baru Ar Rahn diurus oleh Koperasi Permodalan Kelantan Bhd.

Sekarang Ar Rahn terdapat di semua jajahan di Kelantan. Lebih membanggakan lagi Ar Rahn terdapat di Jalan Raja Laut, Jalan Ipoh dan Kajang serta Rawang di Selangor.

Di Pahang pula ada cawangan di Bentong, Raub dan Kuantan. Di Kedah ada di Alor Setar dan Sungai Petani. Sebuah lagi cawangan terdapat di Kangar, Perlis.

Sambutan masyarakat bukan Islam terhadap Ar Rahn juga tinggi. Misalnya Ar Rahn di Kajang dan Rawang Selangor, sambutan masyarakat India begitu tinggi sekali.

Di luar Kelantan sekarang Ar Rahn ada 11 premis. Berdasarkan kepada perkembangan

itu jelaslah Kelantan berjaya meneroka sistem gadaian Islam di Malaysia.

Oleh itu Mohd Sabri melahirkan rasa bersyukur kerana mendapat sokongan masyarakat.

“Sebab itulah di Kelantan, ah long yang memberi pinjaman duit tidak banyak di sini kerana ada Ar Rahn menyediakan kemudahan untuk mendapatkan wang tunai,” katanya.

Beliau juga tidak merasa bimbang biar pun sejak 1997 Ar Rahn di bawah Bank Rakyat dan Yapeim terdapat di seluruh negara.

“Kalau hendak dikira dari segi jumlah operasi, Ar Rahn Bank Rakyat lebih besar kerana beroperasi di seluruh negara.

“Begitu juga Yapeim mendapat bantuan modal daripada kerajaan sehingga dapat mengenakan caj yang lebih murah. Ar Rahn dan Yapeim bermula selepas Ar Rahn berjaya,” katanya.

Beliau juga berkata, pada 2006 PKB diluluskan francais oleh Kementerian Usahawan. PKB telah menyiapkan modul francais untuk dilaksanakan.

Kata beliau juga Ar Rahn laksanakan tidak mementingkan keuntungan sebaliknya membantu masyarakat kampung yang kesempitan untuk mendapatkan wang.

Ditanya mengenai kadar upah katanya, pajak gadai konvensional mengenakan kadar upah sehingga 24 peratus, sedangkan Ar Rahn hanya sekitar 16 peratus.

Namun lebih penting tidak ada unsur-unsur penipuan dalam urusan yang dijalankan.


Masyarakat lebih yakin barang kemas mereka tidak hilang biar pun lambat menebus kembali.

“Kita sejak dari awal lagi menekankan konsep adil dan telus. Kalau kita hendak jual barang kemas penyimpan, kita hantar surat terlebih dahulu, sedangkan amalan itu tidak dilaksanakan pajak gadai konvensional,” katanya.

Ar Rahn juga mempertingkatkan aspek keselamatan di premisnya bagi mengelakkan tragedi pecah masuk seperti tahun lalu berulang.

Menurut Mohd Sabri sistem kawalan berpusat (*centralize*) digunakan. Selain itu CCTV dikawal di ibu pejabat.

Mengambil kira kejayaan itu wajar sekali Ar Rahn turut dikembangkan di negeri-negeri di bawah Pakatan Rakyat.

Benarlah kata orang, Kelantan menjadi peneraju. 



Kedai Ar Rahn pertama yang dibuka di Malaysia

Adil bermaksud tidak ada riba, upah simpanan barang yang dikenakan rendah. Ar Rahn juga tidak kenakan bayaran (*charge*) ikut suka sehingga boleh membebaskan pengadai.

Telus pula bermaksud memberi kemudahan kepada sesiapa yang hendak menggadai barang kemas mereka.

Kaedah angkat (jual beli) untuk menggadai barang lebih mudah dilakukan orang kampung. Sebab itulah sehingga hari ini Ar Rahn di bawah Permodalan Kelantan Bhd (PKB) ke hadapan kerana kaedah yang diamalkan lebih mudah.

Selepas itu Ar Rahn terus berkembang dan membuka cawangan kedua di Tanah Merah.

“Bagaimanapun semasa kita hendak mohon lesen yang ketiga dan keempat kerajaan



# Importance of Time in the Sunnah - Part II

## 1.1 Time in the Prophet's Actions

Prophet Muhammad was the most careful about his time. Never did he spend any time without doing something for Allah's sake, or something necessary for bettering his own life. Describing the Prophet's dealing with time, Ali Ibn-Abi Taalib said, "When he gets home, he divides his time into three portions: one for Allah, one for his family and one for himself, and he divides his own portion between himself and the people". (Sahih Bukhari)

The Prophet committed himself to filling his time with worship and remembrance of Allah. According to Aisha, he used to wake up during the night and pray so much that his feet became swollen. She told him: "Why are you doing all of this even though Allah has already forgiven all your sins, past and future ones"? He replied, "Should not I be grateful for his"? (Sahih Bukhari)

## 1.2 Allocating and Organizing Time

The Prophet called upon Muslims to organize their time and to utilize it for worthy matters in public and private affairs. Abdullah Ibn-Amr Ibn-Al-'Aas reported: "The Prophet came in and said to me, "Is it true that you stay up all night praying, fast all day"? I replied, "True". He said, "Do not do that. Wake up and pray during the night and sleep, and fast and break your fast. Give your body its right, your eyes their right, your guests their right and your wife her right". (Sahih Bukhari) Muslims ought not to disturb that balance. In fact, they ought to divide their time in order to give those rights without infringing on any of them. The division of time does not have to be into equal portions. An appropriate balance has to be struck in such a way that leads to fulfilling, as much as possible, all of those rights.

Of what Prophet Muhammad reported about Prophet Ibraheem (Abraham) is the latter's saying: "A wise person – if not out

of his mind – has to apportion his time: time for reflecting on Allah's creation and time for his food and drink".

When organizing time, there should be some time for rest and recreation, for one becomes bored in prolonged seriousness, and hearts, like bodies, become bored too. Therefore, some fun and recreational activities of the admissible type are necessary.

According to Hantalah, he went to the Prophet and said: "O Allah's Messenger, Hantalah has become a hypocrite"? Allah's Messenger asked: "What is the matter"? I answered: "O Allah's Messenger, when we are with you as you remind us of Heaven and Hell, we feel as if we see them with our own eyes. However, when we leave you, we become involved with our wives, children and gardens, so we forget a lot". Allah's Messenger replied: "By the One in Whose hand my soul is, if you continued the way you were with me and in the remembrance time, the angels would be shaking hands with





you in your beds and streets, but O Hanthalah, time [for this] and time [for that]". He said it three times. (Sahih Muslim)

Thus, the Prophet used to teach his Companions that the heart can become bored and tired, and it changes. Therefore, it ought to be looked after and entertained from time to time, but by means of what Allah has allowed. The Companions comprehended his teachings and applied them in their daily life. On the authority of Ali Ibn-Abi-Taalib, the Prophet said, "Give your hearts a rest: if forced, they become blind". He is also reported to have said, "Hearts are sometimes energetic and forthcoming, and sometimes lull and unforthcoming: take them when they are energetic and forthcoming, but leave them when they are not". According to Abu-Addarda', the Prophet said, "I sometimes get recreation from something trivial that is nor forbidden, but it turns out to be truth invigorating".

### 1.3 Encouraging Utilization of Time and Warning against Wasting It

Of the well-known Hadiths calling for grabbing the opportunity for investing time is the one related by Ibn-Abbas: the Prophet said, "Grab five things before five others: your youth before your decrepitude, your health before your illness, your wealth before your poverty, your leisure before your work, and your life before your death". This Hadith, like many others, is typically brief, yet comprehensive and loaded with meaning. It succinctly expresses in brief what specialists have presented in manuscripts. It points out the importance of time and the initiative to invest it, together with the importance of utilizing the power of the youth stage and leisure time in fruitful good work. It also warns against five obstacles that prevent proper utilization of time.

The Prophet used to call on Muslims to take the initiative to do good deeds before any obstacles arise. For instance, he said, "Lose no time to do good deeds before you are caught up by one of seven calamities awaiting you: a starvation which may impair your wisdom: a prosperity which may mislead you: an ailment which may damage your health: an old age which may harm your senses:

a sudden death: the Dajjal (Antichrist): or Doomsday, which is indeed the hardest and most bitter". (Terimidzi)

The above Hadith urges Muslims to take the initiative, and not to delay good deeds: man's life is not free from impediments, such as those calamities, which can prevent him from accomplishing what could have been done earlier. Wise are those who grab available opportunities before being handicapped by obstacles.



In one Hadith, the Prophet said, "If one becomes worried, he hurries up, and if he hurries up, he sooner reaches his destination". (Terimidzi) Explaining this Hadith, Attayyibi says: "The Prophet gave this as an example to illustrate man's journey to a safe haven in the afterlife. Satan, sup-

**“Grab five things  
before five others:  
your youth before  
your decrepitude,  
your health before  
your illness, your  
wealth before your  
poverty, your leisure  
before your work,  
and your life before  
your death”**

ported by man's evil desires and wishful thinking, obstructs his way. If he is fully aware and has kept purity of intention regarding his deeds, he is safe from Satan's conniving". The example can be true in the case of a person who has set himself targets, yet is worried lest obstacles should obstruct reaching those targets. He, therefore, makes a greater effort in order to reach them.

The Prophet always demanded that

work should start early in the morning. On the authority of Sukhr Al-Ghamdi: "The Prophet said, "O Allah, bless my nation's early rising". If he dispatched an army or a division, he did that early in the morning". Sukhr was a merchant who used to do his business early in the morning, and he made good profit and became rich.

Aisha reported a Hadith with a similar meaning: the Prophet said, "Rise early to earn your living and do your affairs, for it brings about blessing and success".

Fatima, the Prophet's daughter, said that when he saw her still lying in bed one morning, he told her, "My daughter, gets up and witnesses your Lord's bounty, and do not be among the indifferent: Allah distributes daily bread between the break of dawn and sunrise". (Al-Baihaqi) – End

**Source:** Time Management from Islamic and Administrative Perspectives by Dr Khaled Ibn Abdul Rahman Al-Jeraisy, Saudi Arabia



# Bersangka Baik Dengan ALLAH

Oleh: Ustaz A. Ubaidillah Alias

Maksudnya : *wahai orang-orang beriman jauhilah dari kebanyakan sangkaan, kerana sebahagian besar sangkaan itu adalah berdosa. Dan jangan kamu mengintip dan jangan kamu mengumpat setengah kamu kepada setengah yang lain.*

(Surah Al-Hujurat ayat 12)

**HANYA** Allah sahaja yang tahu siapakah yang bakal menduduki syurganya. Bukan kita. Kita bukan penentu atau orang yang selayaknya untuk menghukum seseorang itu baik atau buruk. Ingat, tidak semestinya orang yang jahat dimata kita itu tetap jahat di sisi Allah. Sebaliknya juga, tidak semestinya orang yang baik di mata kita itu tetap baik di sisi Allah.

Sebelum kita bersangka baik dengan makhluk, kita perlu belajar untuk bersangka baik dengan Allah. Kita perlu meyakini bahawa kasih sayang Allah mendahului kemurkaan-Nya.

Seringkali kita mengeluh tatkala ujian menimpa. Kesempitan wang, sakit, kesusahan dalam belajar dan pelbagai macam lagi jenis masalah dalam kehidupan. Mula merasakan Allah tidak adil, sengaja hendak menyusahkan kita. Atau kita mula menunding jari menyalahkan orang yang mendatangkan ujian tersebut kepada kita.

Ujian adalah guru yang tidak bercakap, tetapi ia san-

gat mengajar dan mendidik. Harulah diingat bahawa orang-orang yang tinggi darjatnya di sisi Allah adalah orang yang paling berat ujiannya. Allah Maha Pengasih; jauh sekali Allah takdirkan ujian hanya untuk menyusahkan hamba-Nya. Selalulah bersangka baik dengan Allah disamping mencungkil hikmah dari ujian yang menimpa.

Mungkin sudah banyak dosa yang dilakukan atau dek kerana lalainya kita daripada mengingati Allah, maka Allah datangkan ujian kesusahan kepada kita. Mungkin juga kita sudah jauh tenggelam dalam dosa dan noda, maka Allah dedahkan dosa yang dilakukan orang mengetahuinya. Tujuannya bukan untuk menghina tetapi untuk memberi ingatan supaya kita bertaubat.

Ujian juga bermaksud qisas (pembalasan) ke atas dosa-dosa kita. Setiap perbuatan dosa mesti dihukum, samada di dunia atau di akhirat. Mungkin juga kita akan sombong dan bakhil kalau dikurniakan harta melimpah ruah, maka Allah didik kita dengan kemiskinan. Mungkin juga Allah takdirkan ujian demi ujian untuk





Seringkali kita mengeluh tatkala ujian menimpa. Kesempitan wang, sakit, kesusahan dalam belajar dan pelbagai macam lagi jenis masalah dalam kehidupan. Mula merasakan Allah tidak adil, sengaja hendak menyusahkan kita



ketika diuji?

“Dan Ingatlah tatkala Tuhan kamu memberitahu:”Demi sesungguhnya! Jika engkau bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu dan sekiranya engkau kufur, sesungguhnya azabKu amat pedih.” (Surah Ibrahim : Ayat 7)

Lagi firman Allah SWT :

**“Hanya sedikit di kalangan hamba-hambaKu yang bersyukur”**(Surah Saba’: Ayat 13)

Ini adalah suatu ‘statement’ yang dinyatakan oleh Allah swt bahawa hamba yang bersangka baik pada tuhan dan redha dengan pemberiannya adalah amat sedikit jika dibandingkan dengan hamba yang kufur. Oleh itu, pendakwah perlu memastikan dirinya termasuk dikalangan orang yang dilimpahi rahmat dan kesyukuran.

memberi peluang kepada kita mendapatkan pahala sabar dan redha. Oleh itu, apa salahnya Allah uji kita kerana hendak menyelamatkan kita di akhirat kelak!

Ujian Allah bukanlah untuk menyusahkan. Tetapi ujian untuk menentukan samada manusia percaya kepada apa yang diturunkanNya. Tiada kena mengena dengan menyusahkan atau menyukarkan amalan-amalan harian. Bukankah Allah telah berfirman bahawa **“Allah menghendaki untuk meringankan kamu kerana manusia itu diciptakan lemah.”** (Surah Al-Maidah : Ayat 28)

Apakah kita mengimpikan hidup umpama Fir’aun; dilimpahi harta kekayaan dan kuasa namun dilaknat Allah sekeras-kerasnya? Atau kita mengidamkan kehidupan payah dan pedih Rasulullah namun mendapat penghargaan sebagai kekasih Allah?

Jangan sampai ujian membuatkan kita bertambah jauh dari Allah; mengeluh dan menyesali takdir Allah. Cuba menerima segala ujian yang besar mahupun yang kecil sebagai satu didikan terus dari Allah. Dan ingatlah, andaikata kita diuji, kita masih wajib bersyukur kerana masih ada 1001 jenis nikmat lain yang Allah kurniakan kepada kita! Jadi mengapa mesti merungut



“Ujian adalah guru yang tidak bercakap, tetapi ia sangat mengajar dan mendidik. Haruslah diingat bahawa orang-orang yang tinggi darjatnya di sisi Allah adalah orang yang paling berat ujiannya. Allah Maha Pengasih; jauh sekali Allah takdirkan ujian hanya untuk menyusahkan hamba-Nya. Selalulah bersangka baik dengan Allah disamping mencungkil hikmah dari ujian yang menimpa”



# MENCINTAI BAHASA ARAB

Oleh A. Ubaidillah Alias

## Bahasa Arab dan Keilmuan

Kepentingan bahasa Arab tidak dapat dinafikan lagi terutamanya dari konteks agama. Al-Qur'an ditulis dalam bahasa Arab dan 'hidup'nya bahasa ini banyak terkesan daripada mukjizat al-Qur'an yang dijamin oleh Allah SWT. Bahasa Arab memberi satu corak pengaruh cukup besar terhadap perkembangan tamadun manusia sehingga ke hari ini. Sebagaimana diutarakan oleh Prof. Dr. Ayatrohaedi dari

dengan istilah dan perkataan Arab dan Parsi, bahasa Melayu turut dijadikan bahasa penghantar utama Islam di seluruh Kepulauan Melayu-Indonesia.

Dianggarkan lebih 1000 kata Arab telah dipinjam oleh bahasa Melayu, khususnya kata yang berkaitan dengan cabang ilmu Islam. Bagi Munif Zarirruddin Fikri Nordin, bahasa Arab turut membantu dalam memperkembangkan bahasa Melayu dan pemikiran orang-orang Melayu dalam

peristiwa 12 September. Meskipun, imej Islam makin tercalar dan parah dengan insiden tersebut kerana ia dikatakan dilakukan oleh orang Islam namun daripada positifnya ia mengalakkan masyarakat barat untuk mengkaji Islam dan dunia Islam. Oleh yang demikian, mereka berusaha untuk mempelajari bahasa Arab kerana bahasa ini menjadi medium bagi mendapatkan sumber ilmu yang sebenarnya.

Konklusinya, kita perlu jelas dalam



Jabatan Arkeologi, Fakulti Ilmu Pengetahuan Budaya, Universiti Indonesia bahawa bahasa Arab telah dijadikan salah satu sumber istilah baru. (Harian Pikiran Rakyat : 30 September 2002)

Kesan pembudayaan Islam di antaranya melalui bahasa Arab meliputi hampir keseluruhan nusantara, salah satunya di semenanjung Tanah Melayu sendiri ketika di bawah pengaruh dan kekuasaan sultan-sultan. Bahasa Melayu telah mengalami perubahan yang besar. Selain diperkaya

era globalisasi. Begitu juga, kitab-kitab karangan ulamak silam berbangsa Arab ditulis dalam bahasa Arab bahkan banyak lagi rujukan untuk ilmu-ilmu selain agama ditulis didalam bahasa Arab meskipun penulisnya bukan berbangsa Arab.

## Bahasa Arab dan Hal Semasa

Manakala dalam konteks semasa, kita mendapati terdapat kesedaran tinggi masyarakat antarabangsa untuk mempelajari bahasa Arab terutamanya selepas

“Dianggarkan lebih 1000 kata Arab telah dipinjam oleh bahasa Melayu, khususnya kata yang berkaitan dengan cabang ilmu Islam. Bagi Munif Zarirruddin Fikri Nordin, bahasa Arab turut membantu dalam memperkembangkan bahasa Melayu dan pemikiran orang-orang Melayu dalam era globalisasi”

mempelajari bahasa Arab. Mempelajari bahasa ini memerlukan suatu keazaman yang tinggi serta pengorbanan masa dan wang ringgit. Kebosanan akan muncul sekiranya anda tidak mempunyai tujuan yang jelas. Justeru, renungkan kembali tujuan anda mempelajari bahasa Arab. Alangkah manisnya sekiranya anda merancang untuk tujuan jangka pendek dan jangka panjang. Hasilnya akan anda kecapai semanis madu.

Bahasa Arab adalah bahasa al-Quran



dan bahasa syurga. Ia adalah bahasa yang digunakan oleh nabi dalam penyampaian hadis dan pertuturan harian beliau. Bahasa arab adalah sumber ilmu dan sumber rujukan nas utama. Oleh yang demikian, adalah suatu yang wajib bagi seorang pendakwah sepanjang zaman untuk menguasai bahasa Arab sebaik mungkin.

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

“Sesungguhnya Kami menurunkan Kitab itu sebagai Al-Qur’an yang dibaca dengan Bahasa ‘Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya.” (Surah Yusuf: 2)

Imam Hassan Al-Banna, pengasas gerakan Ikhwanul Muslimin, di dalam wasiat sepuluhnya pernah menyebutkan:

“Berusahalah sedaya upaya untuk bertutur di dalam Bahasa ‘Arab yang betul kerana Bahasa ‘Arab yang betul itu adalah satu-satunya syiar Islam.”

### Pentingnya Belajar Bahasa Arab

Syaikhul Islam Ibnu Taimiyah rahimahullah berkata, “Bahasa arab itu termasuk bagian dari agama, sedangkan mempelajarinya adalah wajib, karena memahami Al-Quran dan As-Sunnah itu wajib. Tidaklah seseorang bisa memahami keduanya kecuali dengan bahasa arab. Dan tidaklah kewajiban itu sempurna kecuali dengannya (mempelajari bahasa arab), maka ia (mempelajari bahasa arab) menjadi wajib. Mempelajari bahasa arab, diantaranya ada yang fardhu ‘ain, dan adakalanya fardhu kifayah.” (Iqtidho, Ibnu Taimiyah 1/527 dikutip dari majalah Al-Furqon)

Tahukah engkau saudariku, dorongan untuk belajar bahasa arab bukan hanya khusus bagi orang-orang di luar negara Arab. Bahkan para salafush sholeh sangat mendorong manusia (bahkan untuk orang Arab itu sendiri) untuk mempelajari bahasa arab.

Umar bin Khaththab radhiallahu ‘anhu

“Bahasa Arab adalah bahasa al-Quran dan bahasa syurga. Ia adalah bahasa yang digunakan oleh nabi dalam penyampaian hadis dan pertuturan harian beliau. Bahasa arab adalah sumber ilmu dan sumber rujukan nas utama. Oleh yang demikian, adalah suatu yang wajib bagi seorang pendakwah sepanjang zaman untuk menguasai bahasa Arab sebaik mungkin”

berkata, “Pelajarilah bahasa arab, sesungguhnya ia bagian dari agama kalian.” (Iqtidha)


‘Umar radhiallahu ‘anhu juga mengingatkan para sahabatnya yang bergaul bersama orang asing untuk tidak

Dari Hasan Al-Bashari, beliau pernah ditanya, “Apa pendapat Anda tentang suatu kaum yang belajar bahasa arab?” Maka beliau menjawab, “Mereka adalah orang yang baik, karena mereka mempelajari agama nabi mereka.” (Mafatihul



melaikan bahasa Arab. Ia menulis surat kepada Abu Musa al-Asy’ari, “Adapun setelah itu, pelajarilah Sunnah dan pelajarilah bahasa arab, i’rablah al-Qur’an karena dia (al-Qur’an) dari Arab.” (Iqtidho, Ibnu Taimiyah, dikutip dari majalah Al-Furqon)

Arrobyah, dikutip dari majalah Al-Furqon)

Dari as-Sya’bi, “Ilmu nahwu adalah bagaikan garam pada makanan, yang mana makanan pasti membutuhkannya.” (Hilyah Tholibul ‘Ilmi, dikutip dari majalah Al-Furqon) 



# SOLAT MENDIDIK BUDAYA KERJA CEMERLANG



Oleh Ahmad Syarqawey Abdul Ghani pada 1/November/2009


**ALLAH** telah mendidik kita untuk menjadi insan yang cemerlang melalui solat. Sedar atau tidak, terdapat banyak nilai-nilai murni yang wujud dalam solat. Antara nilai-nilai tersebut ialah jujur, menepati waktu, kerjasama dan patuh kepada imam (pemimpin). Jadi bagaimana solat boleh mendidik kita menjadi pekerja yang cemerlang. Apabila kita melakukan solat, tiada siapa yang tahu cukup atau tidak rakaat solat kita itu, (sekiranya solat bersendirian). Namun kita tetap melaksanakan solat itu mengikut rakaat yang telah ditetapkan kerana menyedari bahawa Allah sentiasa melihat kita dan tahu apa yang kita kerjakan. Oleh yang demikian, solat melatih kita untuk berlaku jujur dalam tingkah laku kita. Bos,

pengarah, penyelia atau apa saja panggilan, mungkin tidak tahu apa sebenarnya yang kita lakukan di hadapan komputer, kerjakah yang kita laksanakan atau pun tengah asyik *berchatting*.

Solat 5 waktu sehari semalam telah ditetapkan waktunya. Tidak sah solat tersebut sekiranya dilakukan pada masa lain (kecuali jamak dan qasar). Di sini Allah melatih kita untuk menjadi insan yang menepati masa. Jesteru, jika seseorang itu betul-betul menghayati amalan solatnya sudah pasti tidak timbul masalah-masalah seperti datang lambat ke pejabat, lunch melebihi masa ditetapkan dan sebagainya.

Dalam kita menunaikan solat berjemaah, perlu bagi kita untuk membuat saf

yang lurus dan kemas. Mana mungkin saf yang lurus ini dapat terbentuk tanpa kerjasama antara para jemaah. Begitu juga ketika di pejabat, mana mungkin sesuatu tugas atau kerja dapat dilaksanakan dengan baik tanpa kerjasama antara rakan-rakan se pejabat. Perlu dibuang rasa ego dan pentingkan diri sendiri.

Kita disuruh untuk tidak melebihi imam sewaktu solat berjemaah dari segi bacaan dan juga pergerakan. Allah menerapkan nilai ketaatan kepada pemimpin dalam amalan solat. Bekerja tanpa menurut arahan ketua akan menyebabkan pekerjaan kita menjadi tidak tersusun seterusnya memberi impak negatif kepada syarikat secara keseluruhannya. 

# KELEBIHAN BERTASBIH, BERTAHMID, BERTAHLIL



Oleh Zainal Abidin Hussein pada 22/November/2009

**HADIS** riwayat al-Imam Muslim. Daripada Abu Zarr r.a, (beliau meriwayatkan): Bahawa sebahagian sahabat Rasulullah S.A.W berkata kepada Nabi SAW, Wahai Rasulullah, orang-orang kaya telah mendapat banyak pahala. Mereka sembahyang sebagaimana kami sembahyang, mereka berpuasa, sebagaimana kami berpuasa dan mereka bersedekah dengan lebih harta mereka.


Baginda bersabda: Bukankah Allah telah menjadikan bagi kamu sesuatu yang kamu boleh bersedekah dengannya?. Sesungguhnya dengan setiap kali tasbih itu adalah sedekah, setiap kali takbir itu adalah sedekah, setiap kali tahmid itu adalah sedekah, setiap kali tahlil itu adalah sedekah, menyuruh amar ma'aruf itu sedekah, menegah mungkar itu sedekah dan pada kemaluan seseorang kamu pun adalah sedekah. Mereka bertanya: Ya Rasulullah, adakah apabila salah se-

orang kami melepaskan syahwanya pun dia beroleh pahala?. Baginda bersabda: Bagaimana pandangan kamu, kalau dia melepaskan syahwatnya pada tempat haram, adakah dia berdosa? Maka demikian jugalah, apabila dia melepaskannyanya pada tempat yang halal, dia beroleh pahala.

#### Pengajaran hadis:

1. Para sahabat Rasulullah SAW telah menunjukkan suatu teladan yang baik, di mana mereka sering berlumba-lumba mahu melakukan kebaikan.
2. Setiap amalan soleh mempunyai nilainya yang tersendiri di sisi Allah SWT dan ia tidak akan dipersia-siakan sama sekali.
3. Banyak amalan soleh yang boleh dilakukan bagi menambahkan pahala kebajikan seperti bertasbih iaitu mengucap subhanallah, bertahmid iaitu

mengucap Alhamdulillah, bertahlil iaitu mengucap Lailahaillallah menyuruh orang berbuat ma'aruf dan mencegah kemungkaran. Semuanya diberikan pahala sedekah sehinggakan melakukan hubungan seks pun dianggap sedekah. Kerana kalau dia berzina dia dianggap berdosa dan akan menerima azab. Alangkah indahnya ajaran Islam.

4. Bagi orang-orang kaya yang mempunyai kelebihan harta mereka hendaklah selalu bersedekah, lebih-lebih lagi kalau mereka terlalu sibuk dengan urusan harta sehingga kurang masa untuk melakukan amal ibadat sunat yang lain.
5. Seorang kaya yang suka bersedekah dan rajin pula melakukan ibadat sunat seperti berzikir yang dianjurkan dalam hadis ini dia sudah tentu akan mendapat ganjaran dan darjat yang lebih tinggi di sisi Allah SWT. 



# MENJAGA KESEIMBANGAN HIDUP



Oleh A. Ubaidillah Alias pada 15 November 2009

**SEORANG** muslim perlu menguruskan seluruh hidupnya mencukupi empat perkara. Iaitu umurnya, tubuh badannya, hartanya dan ilmunya. Setiap individu perlu menilai diri dengan empat kriteria seperti yang termaktub dalam maksud hadis Rasulullah s.a.w. yang berikut : Rasulullah saw bersabda .” Tidak akan berganjak kaki anak Adam di Hari Kiamat hingga disoal tentang empat perkara; tentang usianya pada apa dihabiskannya, tentang jasad mudanya apa yang telah diperjuangkannya, tentang hartanya dari mana datangnya dan ke mana telah dibelanjakannya dan tentang ilmunya apa telah dibuatnya”.

(Hadith sahih riwayat Tirmizi)

Empat perkara ini perlu dihalusi setiap masa agar tidak berlaku penyalahgunaan dan pembaziran. Seperti penggunaan umur, harus dikawal agar tidak dihabiskan untuk maksiat. Penggunaan jasad dan anggota, harus dikawal agar tidak sampai berbuat zalim kepada makhluk lain mahupun diri sendiri. Penggunaan harta, perlu disiasat dari mana sumbernya dan bagaimana ia dibelanjakan. Akhir sekali ialah ilmu dan kebijaksanaan, harus digunakan dengan penuh amanah. Jangan sampai dimanipulasikan untuk kepentingan sendiri.

Islam itu adalah agama yang mementingkan kesederhanaan, ia menuntut umatnya mengawal seluruh sistem kehidupan secara seimbang. Jangan pula, melampaui di satu aspek dan kurang di aspek yang lain. Jangan pula mengambil

Islam itu secara setengah-setengah atau jujuk-jujuk tertentu. Manakala mengabaikan jujuk-jujuk yang lain. Nabi bersabda “Sebaik perkara adalah pertengahan (Sederhana )”

Aspek kesederhanaan itu bererti melakukan sesuatu tidak melampaui batas. Bukan pula berbuat sesuatu ala kadar atau bermalas-malasan. Tujuan bersederhana ini adalah untuk memberi

tidak terurus lalu beliau pun bertanya : “ Mengapa dengan engkau ini?”

“ Saudaramu tidak lagi menghiraukan dunia ini,” jawabnya.

Bila Abu Darda’ datang, dia menyambut kedatangan Salman dan menjamunya makanan. Salman menyuruhnya makan tetapi Abu Darda’ berkata : “ Aku sedang berpuasa .”

“ Aku bersumpah tidak akan makan kecuali engkau juga memakannya.” Maka Abu Darda’ berbuka puasa.

Salman bermalam di rumah Abu Darda’. Pada waktu malam, Abu Darda’ cuba bangun awal untuk bertahajjud , tetapi Salman memegangnya lalu berkata: “Hai Abu Darda’ ! Tuhanmu mempunyai hak ke atasmu. Keluarga mu mempunyai hak ke atas mu dan dirimu juga mempunyai

hak ke atasmu. Maka berikanlah hak kepada masing-masingnya.”

Pada waktu subuh , mereka solat berjemaah. Kemudian, mereka keluar menemui Rasulullah SAW dan menceritakan kisah yang telah berlaku. Rasulullah SAW menyokong perbuatan Salman itu. Ini adalah bukti bahawa Islam menyuruh penganutnya agar memerhatikan urusan harian mereka secara menyeluruh. Islam mewajibkan kita memeriksa hak isteri dan keluarga, juga hak tubuh badan dan kesihatan, hak Tuhan dan ibadat. Kesemua hak-hak ini wajib dipenuhi dan dijalankan mengikut cara yang telah diajarkan oleh nabi. Bukan dengan cara kita sendiri.



keseimbangan dalam pengurusan hidup. Termasuk dalam soal ibadat sekalipun, Islam menyarankan agar kita bersederhana dan melakukan mengikut tatacara yang dianjurkan oleh nabi SAW. Islam melarang kita bersolat secara melampau sehingga melupakan kerja dan mencari rezeki. Islam melarang kita bekerja sampai mengabaikan waktu solat. Islam itu adalah agama yang mengawal keseimbangan antara emosi, fizikal dan spirirtual. Diriwayatkan bahawa suatu ketika beliau pernah menziarahi Abu Darda’, yang dipersaudarakan oleh Nabi dengannya ketika sampai di Madinah. Beliau dapat isteri Ab Darda’ berada dalam keadaan





# PANDUAN BAGI MENGENAL SIFAT BURUK PADA DIRI SENDIRI




Oleh Cik Mariam Omar pada 6 Disember 2009

**IMAM** Al-Ghazali telah menggariskan 4 kaedah untuk mengenali keburukan diri sendiri :-

1. Sentiasa berjumpa guru atau menghadiri majlis-majlis ilmu. Kerana ilmu adalah panduan untuk kesenangan dunia dan akhirat.
2. Dapatkan sahabat-sahabat yang boleh membantu membetulkan kesalahan kita. Dalam hal ini kita boleh mencontohi cerita Saidina Umar r.a. Suatu hari Saidina Umar bertanya kepada Salman, "Kelakuan aku yang mana satu yang kamu benci?", Jawab Salman, "Kau suka mengumpul 2 jenis lauk dalam satu hidangan". Bertanya lagi Saidina Umar, "Adakah engkau melihat selain dari itu?", Jawab Salman, "tidak". Saidina Umar berkata lagi, "bahawa akan aku menghentikan kekejianku itu dan semoga Allah mengasihi orang yang mahu memberitahu akan kejinya kelakuan ku"
3. Hendaklah mengenali kecelakaan diri melalui kata-kata musuh atau orang yang sedang marah kepada kita. Sekiranya kita terlibat

dalam sesuatu pergaduhan atau perselisihan lalu kita dimaki hamun, kita janganlah hanya memikirkan mengenai sakit hati sahaja kerana dimaki hamun itu, cubalah kita renung kembali akan kata-kata si pemarkah itu, mungkin di situ ada kebenarannya yang menunjukkan keburukan diri kita.

4. Hendaklah banyak berkawan atau bergaul dengan masyarakat. Dengan banyak bergaul kita akan berkenalan dengan ramai orang yang mempunyai bermacam-macam perangai samada baik mahupun buruk. Dengan melihat kepada kebaikan dan keburukan yang ada pada orang lain, bolehlah dibuat perbandingan dengan keadaan diri kita, yang baik kita tauladani dan yang buruk hendaklah dijauhi.

Namun sama-samalah kita ingat bahawa hamba Allah yang baik tidak akan mengeji akan keburukan orang lain melainkan sentiasa membaiki diri sendiri, Itulah yang dikatakan "Orang mukmin adalah cermin kepada orang mukmin yang lain....." 

## TAHAP KESEMPURNAAN HAJI DAPAT DILIHAT MENERUSI PERUBAHAN SIKAP



Oleh Aziz Mahmud pada 17 Disember 2009

**MENUNAIKAN** haji ke Mekah menjadi kewajipan bagi mereka yang berkemampuan. Beruntunglah mereka-mereka yang telah menjadi tetamu Allah s.w.t kerana ibadat haji memerlukan suatu pengorbanan rohani, jasad dan juga harta. Jemaah haji yang menunaikan ibadat haji sebenarnya berhadapan dengan untung nasib mereka di akhirat.

Mereka meninggalkan pakaian yang berjahit, menitiskan airmata keinsafan di padang Arafah, melaungkan kata-kata taubat dan penyelesaian dengan semua bahasa manusia yang ada di bumi ini. Bersama-sama bermalam di Mudzalfah, berlumba-lumba melontar jamrah serta berusaha tawaf dan bersaie tanpa mengenal erti penat dalam menghadapi rintangan dan cabaran ketika mengerjakan haji.

Setiap orang yang menunaikan haji pastinya mengharap untuk mendapat Haji Mabru. Sabda Rasulullah s.w.t, "Haji Mabru itu tiada balasan yang lain kecuali syurga". Hadis Abu Hurairah.


Orang yang menunaikan ibadat haji dengan sempurna akan mendapat haji mabrur. Dari segi bahasa, Mabru mempunyai dua makna, pertama bererti baik, suci dan bersih. Kedua bererti diterima dan mendapat keredaan Allah s.w.t. Orang yang memperolehi haji mabrur semakin kuat imannya serta meningkat amal ibadatnya. Tidak mudah untuk mendapatkan Haji Mabru, sebagaimana yang dikatakan Umar Bin Al-Khattab, yang mengatakan ramai yang hanya makan angin (melancong) sedangkan yang melakukan haji sedikit. Ini bermakna ramai yang mengerjakan haji tetapi sedikit saja yang benar-benar melakukan ibadat haji dan memahami setiap amal ibadat haji sehingga memperolehi Haji Mabru.

Setiap orang yang mengerjakan ibadat haji sebenarnya mengunjung tempat paling suci di dunia ini. Maka mereka haruslah berusaha agar haji yang diperolehi tidak tercemar selepas pulang ke tanah air. Ibadat haji yang dilakukan memberinya peluang untuk membuat

perubahan yang baik untuk dirinya. Kesannya, kehidupan beragama akan bertambah serta kuat beriltizam dengan amalan Islam. Mereka ini menjadi contoh dalam kehidupan harian. Apabila seseorang itu bergelar haji, bertambahlah tanggungjawabnya terhadap masyarakat. Mereka mesti menunjukkan perilaku baik, bertutur dengan kata-kata yang manis serta menahan diri daripada mengeluarkan kata-kata kesat yang boleh menyinggung perasaan orang lain. Hendaklah bertegur sapa dengan orang di sekeliling dan berbudi bahasa dengan semua orang.

Perubahan pada jemaah haji yang paling dapat dilihat dari kelakuannya. Jika dulu pemarkah sudah bertukar menjadi pemaaf. Menjadi seorang yang pemurah serta suka bersedekah jika dahulunya kedekut. Menjadi seorang yang berbudi bahasa jika dulunya jenis yang suka memaki hamun orang. Juga berubah menutup aurat jika dahulunya tidak kisah tentang hal tersebut.

Sebaliknya, jika sekembalinya dari menunaikan haji, masih juga melakukan dosa besar, takbur dan tidak beramal dengan amalan Islam, ia memberi tanda haji dikerjakan itu tidak mabrur. Jika ibadat hajinya tidak membawa apa-apa perubahan, ini bererti tidak ada pengajaran yang diambil. Jika sifat buruk, syirik dan keji masih ada dalam dirinya. Maka itu menunjukkan bahawa hajinya tidak mencapai matlamat. Ada yang pergi menunaikan haji untuk mendapat gelaran dalam lingkungan masyarakat sekelilingnya. Niat yang begini sudah pasti tidak akan mampu membawa apa-apa perubahan pada dirinya.

Haji Mabru yang diterima oleh Allah bagaikan seseorang itu baru keluar (dilahirkan) daripada perut ibunya, itu tidak berdosa. Apa yang penting Haji Mabru bukan sekadar membawa perubahan pada diri, tetapi juga mampu membawa perubahan kepada keluarga dan masyarakat. 





Oleh Mohamed Sepri Abas pada 20 Disember 2009

# AMANAT

**Pertama:** Kubur menyeru manusia sebanyak 5 kali sehari:-

1. Aku rumah yang terpencil, maka kamu akan senang dengan selalu membawa Al-Quran.
2. Aku rumah yang gelap, maka terangilah aku dengan selalu solat malam.
3. Aku rumah yang penuh dengan tanah dan debu, bawalah amal oleh yang menjadi kehamparan.
4. Aku rumah ular berbisa, maka bawalah amalan "Bismillah" sebagai penawar.
5. Aku rumah pertanyaan Munkar dan Nakir maka banyaklah bacaan 'Laa ila ha ilallah, Muhammad Rasulullah supaya kamu dapat jawapan kepadanya.

**Kedua:** Lima jenis racun dan lima penawarnya.

1. Dunia itu racun, zuhud itu ubatnya.

2. Harta itu racun, manakala zakat itu ubatnya.
3. Perkataan yang sia-sia itu racun, zikir itu ubatnya.
4. Seluruh tahun itu racun, Ramadan itu ubatnya.


**Ketiga:** Nabi Muhammad S.A.W bersabda: "Ada 4 di pandang sebagai ibu" iaitu:

1. Ibu dari segala ubat adalah sedikit makan
2. Ibu dari segala Adab adalah sedikit berbicara.
3. Ibu dari segala Ibadat adalah takutkan dosa.
4. Ibu dari segala cita-cita adalah sabar.

**Keempat**

- Orang yang tidak melakukan solat :-

Adapun pendapat mengatakan meninggalkan solat adalah kafir tetapi sesetengah meninggalkan solat kerana malas tetapi tidak ingkar ke atas kewajipan bersolat lima waktu, hukumnya berdosa besar, walau bagaimanapun kedua-duanya kenerakalah tempat tinggalnya.

- Dalam pada itu di dunia pula mereka yang meninggalkan solat 5 waktu akan menerima kerugian di dunia iaitu:
  1. Waktu subuh - Dijauhkan cahaya muka yang bersi 2. Waktu Zohor - Tidak diberikan barakah dalam rezekinya.
  3. Waktu Asar - Dijauhkan dari kesihatan / kekuatan.
  4. Waktu Magrib - Tidak diberikan santunan oleh anak-anaknya.
  5. Waktu Isyak - Dijauhkan kedamaian dalam tidurnya. 

# AMALAN SUNAT PADA 10 MUHARRAM



Oleh Wan Haidar Amni Bt Nik Mansor pada 27 Disember 2009

**ANTARA amalan disunatkan pada bulan Muharram:-**

1. Berpuasa. Maksud hadis: Barang siapa berpuasa satu hari dalam bulan Muharram pahalanya seumpama berpuasa 30 tahun. Maksud hadis: Barang sesiapa yang berpuasa tiga hari dalam bulan Muharram, iaitu hari Khamis, Jumaat dan Sabtu Allah tulis padanya pahala seperti mana beribadat selama 2 tahun.
2. Banyakkan amal ibadat seperti solat sunat, zikir dan sebagainya.
3. Berdoa akhir tahun pada hari terakhir bulan Zulhijjah selepas asar sebanyak 3 kali.
4. Berdoa awal tahun pada 1 Muharram selepas maghrib 3 kali.


**14 perkara sunat dilakukan pada hari Asyura ( 10 Muharram ):**

1. Melapangkan masa / belanja anak isteri, fadilatnya - Allah akan melapangkan hidupnya pada tahun ini.
2. Memuliakan fakir miskin, fadilatnya - Allah

akan melapangkannya dalam kubur nanti.

3. Menahan marah, fadilatnya - Di akhirat nanti Allah akan memasukkannya ke dalam golongan yang redha.
4. Menunjukkan orang sesat, fadilatnya - Allah akan memenuhkan cahaya Iman dalam hatinya.
5. Mengusap/menyapu kepala anak yatim, fadilatnya - Allah akan mengurniakan sepon pokok di syurga bagi tiap-tiap rambut yang disapu.
6. Bersedekah, fadilatnya - Allah akan menjauhkannya daripada nereka sekadar jauh seekor gagak terbang tak berhenti-henti dari kecil sehingga ia mati. Diberi pahala seperti bersedekah kepada semua fakir miskin di dunia ini.
7. Memelihara kehormatan diri, fadilatnya - Allah akan mengurniakan hidupnya sentiasa diterangi cahaya keimanan.
8. Mandi sunat, fadilatnya - Tidak sakit (sakit berat) pada tahun itu, lafaz niat: Sahaja aku mandi sunat hari Asyura kerana Allah

Taala.

9. Bercelak, fadilatnya - Tidak akan sakit mata pada tahun itu.
10. Membaca Qulhuwaallah hingga akhir 1,000 kali, fadilatnya - Allah akan memandangnya dengan pandangan rahmat di akhirat nanti.
11. Sembahyang sunat empat rakaat, fadilatnya - Allah akan mengampunkan dosanya walau telah berlarutan selama 50 tahun melakukannya. Lafaz niat: Sahaja aku sembahyang sunat hari Asyura empat rakaat kerana Allah Taala: "Pada rakaat pertama dan kedua selepas fatihah dibaca Qulhuwaallah 11 kali".
12. Menjamu orang berbuka puasa, fadilatnya - diberi pahala seperti memberi sekalian orang Islam berbuka puasa.
13. Puasa, Niat - "Sahaja aku berpuasa esok hari sunat hari Asyura kerana Allah Taala, fadilatnya - Diberi pahala seribu kali Haji, seribu kali umrah dan seribu kali syahid dan diharamkan daripada Neraka. 



# BERBOHONG YANG DIHARUSKAN DALAM ISLAM

Oleh A. Ubaidillah Alias



**BOHONG** bermaksud memberitahu sesuatu yang tidak benar dan kita tahu bahawa hal itu tidak benar. Atau dengan kata lain, berdusta. Dari sudut pandangan Islam, sudah tentu hukumnya haram.

Dari Ibnu Umar r.a. katanya: Saya dengar Rasulullah SAW bersabda, "Bagi tiap-tiap orang yang khianat (penipu) ada bendera yang dipancangkan tanda khianatnya di hari kiamat kelak." (Hadis riwayat Bukhari)

## 1- Kelonggaran Berbohong

Walaupun pada prinsipnya, berbohong hukumnya haram, tetapi dalam keadaan tertentu, Islam memberikan kelonggaran. Namun, ia bukan dalam konteks yang terlalu ketat. Rasulullah SAW ada menyatakan, seseorang yang berbohong dengan niat ingin mendamaikan orang lain atau untuk tujuan kebaikan dalam masyarakat, dia tidak dikira berbohong. Dalam suatu riwayat, Ibnu Kalsum berkata, beliau tidak pernah mendengar Rasulullah SAW mem-

beri kelonggaran untuk bercakap dalam hal yang tidak betul, kecuali dalam tiga perkara :

1. Ketika peperangan
2. Untuk mendamaikan anggota masyarakat atau organisasi yang bertelagah
3. Dalam perhubungan suami isteri

Dari Ummu Kalsum binti 'Uqbah r.a., sesungguhnya dia mendengar Rasulullah SAW bersabda, "Bukanlah termasuk pendusta orang yang mendamaikan manusia. Ditambahnya yang baik atau dikatakannya yang baik." (Hadis riwayat Bukhari)

Umat Islam pada hari ini masih lagi terumbang-ambing, lemah, miskin dan berpecah belah meskipun Islam sesungguhnya amat menggalakkan perpaduan,

kesatuan, persefahaman dan keharmonian dalam kehidupan sejagat. Dalam erti kata lain, Islam melarang umatnya bergaduh, berperang apalagi bertengkar sesama sendiri sehingga melibatkan perbuatan mencederakan, membunuh dan sebagainya. Inilah sebabnya mengapa Islam memuliakan seorang manusia yang berusaha untuk mendamaikan orang yang bertelagah meskipun terpaksa dilaksanakan dengan cara menipu (perkara yang harus) demi menjalinkan semula ikatan persaudaraan tersebut agar keadaan kembali menjadi aman dan damai.

Begitu juga untuk menjaga akidah, sekiranya seseorang dipaksa untuk mengucap sesuatu yang berlawanan dengan akidah, maka dia boleh berbohong. Namun, pembohongan itu dengan syarat, hatinya tetap dalam Islam. Hal ini mengingatkan kita kepada kisah yang menimpa Ammar Yassir yang terpaksa mengaku kembali menyembah berhala apabila dia disiksa teruk dan selepas melihat ibunya Sumayyah dan bapanya, mati ditikam Abu Jahal kerana mempertahankan akidah. Rasulullah SAW ketika ditanya mengenai kedudukan Ammar selepas itu, menyatakan bahawa Ammar tetap terpelihara akidahnya kerana dia dipaksa berbuat begitu dan hal itu di luar kerelaannya.

Berkata Imam an-Nawawi yang mengulas hadis ini, "Hadis ini dengan jelas telah mengharuskan beberapa bentuk pendustaan jika ada masalah/kepentingan. Para ulama telah membuat batasan bagi pembohongan yang diharuskan. Batasan yang terbaik ialah yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali yang menjelaskan; percakapan ialah jalan untuk mencapai maksud-maksud tertentu. Jika suatu maksud yang baik dapat dicapai dengan berkata benar, tidak harus lagi berdusta kerana pendustaan tidak diperlukan ketika itu. Namun jika maksud yang baik itu tidak ada cara untuk mencapainya melainkan



dengan berbohong, maka ketika itu berbohong adalah harus jika maksud yang ingin dicapai itu hukumnya adalah harus. Jika maksud itu wajib, maka berdusta ketika itu juga wajib (kerana tidak ada cara lain lagi untuk mencapainya).

Contohnya ada seorang muslim bersembunyi dari seorang lelaki zalim dan kita mengetahui tempat persembunyiannya. Kemudian si zalim itu bertanya kita tempat lelaki muslim itu bersembunyi. Ketika itu wajib kita berbohong (yakni tidak harus kita bercakap benar dengan memberitahunya). Contoh lain kita ada menyimpan barang milik seseorang muslim, lalu ditanya tentangnya oleh seorang zalim yang ingin merampasnya, maka wajib kita berdusta untuk menyembunyikannya (bagi mengelak ia dirampas). Malah kata Imam al-Ghazali, jika kita memberitahu si zalim itu dan barang itu dirampasnya, wajib kita menggantikannya. (Lihat; al-Azkar, Imam an-Nawawi, kitab Hifzul-Lisan. \*Terjemahan dilakukan secara bebas).

## 2- Suami isteri berbohong

Berbohong antara suami isteri pula, hanya dalam keadaan tertentu sahaja, maksudnya dalam perkara yang tidak menyentuh prinsip. Umpamanya, suami memuji masakan isteri kerana ingin ambil hati isteri, sedangkan masakan isterinya tidak kena langsung dengan seleryanya. Atau isteri puji suaminya kacak, walaupun hakikatnya suami tidak setampan mana. Tetapi asalkan dengan niat menjaga keharmonian rumahtangga dan eratkan hubungan suami isteri, hal itu dibenarkan.

Kelonggaran dalam berbohong diistilahkan terutamanya oleh orang Melayu sebagai 'bohong sunat'. Hakikatnya, dalam Islam tiada istilah 'bohong sunat', yang ada hanya kelonggaran yang diharuskan dalam keadaan tertentu. Sekiranya dapat mengelak daripada bohong, hal itu lebih digalakkan. Justeru, kelonggaran yang diberi atau dibenarkan untuk berbohong harus digunakan secara tepat untuk menyelesaikan hal rumahtangga.

Namun sebenarnya ramai yang menggunakan kelonggaran ini untuk tujuan yang salah. Umpamanya suami berkahwin lain tanpa pengetahuan isteri dan mengambil pendekatan 'bohong sunat', kononnya supaya mereka suami isteri tidak bertelagah.

Kelonggaran dalam berbohong diistilahkan terutamanya oleh orang Melayu sebagai 'bohong sunat'. Hakikatnya, dalam Islam tiada istilah 'bohong sunat', yang ada hanya kelonggaran yang diharuskan dalam keadaan tertentu.

Sekiranya dapat mengelak daripada bohong, hal itu lebih digalakkan. Justeru, kelonggaran yang diberi atau dibenarkan untuk berbohong harus digunakan secara tepat untuk menyelesaikan hal rumahtangga.



## 3- Jangan dibudayakan


Rasulullah SAW telah bersabda yang maksudnya, "Jika kamu bercakap dengan saudaramu percakapan yang ia mempercayainya, sedangkan kamu membohonginya, sesungguhnya perbuatan ini merupakan pengkhianatan besar." (Hadis riwayat Abu Daud)

Dalam konteks hubungan majikan atau ketua dengan para pekerja, bohong boleh berlaku jika majikan tidak menjelaskan hal sebenarnya mengenai pentadbiran syarikat yang merosot. Tetapi jika majikan berbuat demikian kerana tidak mahu para pekerja bimbang dan pada masa yang sama ingin mencari jalan untuk membaiki keadaan, hal itu dianggap satu kelonggaran.

Namun sekiranya keadaan gagal dikendalikan, tidak wajar majikan atau ketua terus berbohong dan menyembunyikan hal sebenar kerana itu seperti menganiaya

pekerja. Tidak kurang juga yang sering berlaku dalam organisasi, perbalahan sesama pekerja yang mungkin akan membawa mudarat jika tidak ditangani dengan segera. Justeru, jika pembohongan tertentu dapat menyelamatkan keadaan dan mewujudkan keharmonian sesama pekerja, ia dibolehkan.

Sebagai kesimpulan, berbohong itu haram. Namun, dalam situasi tertentu ia menjadi harus. Harus itu bukan bererti sunat, ia hanya dibenarkan dengan syarat-syarat yang disebutkan tadi. Oleh itu, istilah 'bohong sunat' tidak wajar digunakan. Ia lebih sesuai disebut 'bohong harus'. Mudah-mudahan dengan keterangan ini akan memberi gambaran jelas kepada kita betapa pentingnya bercakap benar dan menjauhi pembohongan.

Sekian. 

PROJEK  
KUMPULAN PKINK  
PENGGERAK PEMBANGUNAN UMMAH



PEMAJU BERWIBAWA



## Membina Kehidupan Anda

Kami sedar kehidupan anda melalui banyak perubahan.  
Kerana itu, kami di Kumpulan BINARAYA komited  
dalam merealisasikan impian anda menjadi realiti.

بيناراي



# BINARAYA

& SYARIKAT KUMPULAN



SINARAN  
PANTAI TIMUR  
CONSORTIUM BHD



Profil Impian  
Sdn. Bhd.

**BINARAYA** PKINK SDN. BHD. (72017-U)

PT 747, Bangunan Binaraya, Jalan Abdul Kadir Adabi (Berek 12), 15200 Kota Bharu, Kelantan.

☎ 09-7414455 / 09-7414465 📠 09-7414450 📧 marketing@binaraya.com.my

# www.binaraya.com.my